

## SEGMENT BUNYI SEBUTAN BAKU BAHASA MELAYU\*

### Segmen Bunyi Vokal

Segmen bunyi vokal sebutan baku bahasa Melayu berdasarkan lambang Abjad Fonetik Antarabangsa (IPA) adalah seperti yang berikut:

| Huruf Rumi | Lambang Bunyi | Keterangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|------------|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| a          | [a]           | Bunyi vokal depan luas yang menjadi bunyi yang baku bagi huruf a. Contohnya: <i>saya</i> dilafazkan [sa.ja]                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| e          | [e]<br>[ɛ]    | Bunyi vokal depan separuh sempit yang menjadi bunyi yang baku bagi huruf <i>e taling</i> . Contohnya : <i>leher</i> dilafazkan [le.her]<br>Bunyi vokal depan separuh luas yang <b>tidak dijadikan bunyi yang baku</b> bagi huruf <i>e taling</i> , tetapi boleh diterima bagi melafazkan beberapa perkataan serapan yang tertentu daripada bahasa Inggeris atau asing. Contohnya: <i>beg</i> boleh dilafazkan [beg] atau [bɛg]. Lambang rasmi yang digunakan bagi bunyi vokal depan separuh luas ini ialah [ɛ]. |
| e          | [ə]           | Bunyi vokal tengah yang menjadi bunyi yang baku bagi huruf <i>e pepet</i> . Contohnya: <i>segera</i> dilafazkan [sə.gə.ra]. Lambang rasmi yang digunakan bagi bunyi vokal tengah ini ialah [ə].                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| i          | [i]           | Bunyi vokal depan sempit yang menjadi bunyi yang baku bagi huruf <i>i</i> . Contohnya: <i>gigi</i> dilafazkan [gi.gi].                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| o          | [o]           | Bunyi vokal belakang separuh sempit yang menjadi bunyi yang baku huruf <i>o</i> . Contohnya: <i>tolong</i> dilafazkan [to.lɔŋ].                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|            | [ɔ]           | Bunyi vokal belakang separuh luas yang <b>tidak dijadikan bunyi yang baku</b> bagi huruf <i>o</i> , tetapi boleh diterima bagi melafazkan beberapa perkataan serapan yang tertentu daripada bahasa Inggeris atau asing. Contohnya: <i>kos</i> boleh dilafazkan [kos] atau [kɔs]. Lambang rasmi yang digunakan bagi bunyi vokal belakang separuh luas ini ialah [ɔ].                                                                                                                                             |
| u          | [u]           | Bunyi vokal belakang sempit yang menjadi bunyi yang baku bagi huruf <i>u</i> . Contohnya: <i>guru</i> dilafazkan [gu.ru].                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| ~          | [~]           | Lambang yang menandai bunyi vokal sengau. Contohnya: <i>makan</i> dilafazkan [mã.kan]                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |

## Segmen Bunyi Konsonan

Segmen bunyi konsonan sebutan baku bahasa Melayu berdasarkan lambang IPA adalah seperti yang berikut:

| Huruf Rumi |       | Lambang Bunyi | Keterangan                                                                               |
|------------|-------|---------------|------------------------------------------------------------------------------------------|
| p          |       | [p]           | Plosif dua bibir tak bersuara. Contohnya: <i>papan</i> dilafazkan [pa.pan].              |
| b          |       | [b]           | Plosif dua bibir bersuara. Contohnya: <i>bab</i> dilafazkan [bab].                       |
| t          |       | [t]           | Plosif gusi tak bersuara. Contohnya: <i>tatap</i> dilafazkan [ta.tap].                   |
| d          |       | [d]           | Plosif gusi bersuara. Contohnya: <i>dadah</i> dilafazkan [da.dah].                       |
| k          | (i)   | [k]           | Plosif lelangit lembut tak bersuara. Contohnya: <i>kaki</i> dilafazkan [ka.ki].          |
|            | (ii)  | [ʔ]           | Plosif glotis (hentian glotis). Contohnya: <i>layak</i> dilafazkan [la.jaʔ].             |
|            | (iii) | [ŋ]           | Frikatif rongga tekak bersuara. Contohnya: <i>nikmat</i> dilafazkan [niŋ.māt].           |
|            | (iv)  | [q]           | Plosif uvular atau anak tekak tak bersuara. Contohnya: <i>kadi</i> dilafazkan [qa.di].   |
| g          |       | [g]           | Plosif lelangit lembut bersuara. Contohnya: <i>gigi</i> dilafazkan [gi.gi].              |
| s          |       | [s]           | Frikatif gusi tak bersuara. Contohnya: <i>susu</i> dilafazkan [su.su].                   |
| h          |       | [h]           | Frikatif glotis tak bersuara. Contohnya: <i>hebah</i> dilafazkan [he.bah].               |
| c          |       | [tʃ]          | Afrikat gusi-lelangit keras tak bersuara. Contohnya: <i>cacat</i> dilafazkan [tʃa.tʃat]. |
| j          |       | [dʒ]          | Afrikat gusi-lelangit keras bersuara. Contohnya: <i>jajah</i> dilafazkan [dʒa.dʒah].     |
| l          |       | [l]           | Konsonan lateral. Contohnya: <i>lalat</i> dilafazkan [la.lat].                           |
| r          |       | [r]           | Getaran gusi. Contohnya: <i>ikrar</i> dilafazkan [ik.rar].                               |
| m          |       | [m]           | Nasal dua bibir. Contohnya: <i>mimpi</i> lafazkan [mīm.pi].                              |
| n          |       | [n]           | Nasal gusi. Contohnya: <i>nanti</i> dilafazkan [nān.ti].                                 |
| ny         |       | [ɲ]           | Nasal lelangit keras. Contohnya: <i>nyanyi</i> lafazkan [ɲā.ɲī].                         |
| ng         |       | [ŋ]           | Nasal lelangit lembut. Contohnya: <i>nganga</i> dilafazkan [ŋā.ŋā].                      |

|         |  |     |                                                                                               |
|---------|--|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
| w       |  | [w] | Separuh vokal lelangit lembut. Contohnya: <i>wawasan</i> dilafazkan [wa.wa.san].              |
| y       |  | [j] | Separuh vokal lelangit keras. Contohnya: <i>yayasan</i> dilafazkan [ja.ja.san].               |
| f       |  | [f] | Frikatif gigi-bibir tak bersuara. Contohnya: <i>falsafah</i> dilafazkan [fal.sa.fah].         |
| v       |  | [v] | Frikatif gigi-bibir bersuara. Contohnya: <i>veto</i> dilafazkan [ve.to].                      |
| z       |  | [z] | Frikatif gusi bersuara. Contohnya: <i>zamzam</i> dilafazkan [zam.zam].                        |
| sy      |  | [ʃ] | Frikatif lelangit keras-gusi tak bersuara. Contohnya: <i>syarat</i> dilafazkan [ʃa.rat].      |
| kh      |  | [x] | Frikatif lelangit lembut tak bersuara. Contohnya: <i>khusus</i> dilafazkan [xu.sus].          |
| gh      |  | [ɣ] | Frikatif lelangit lembut bersuara. Contohnya: <i>maghrib</i> dilafazkan [māɣ.rib].            |
| q       |  | [q] | Plosif uvular atau plosif anak tekak tak bersuara. Contohnya: <i>qari</i> dilafazkan [qa.ri]. |
| x(awal) |  | [z] | Frikatif gusi bersuara. Contohnya: <i>xilofon</i> dilafazkan [zi.lo.fon].                     |

\*Nota ini telah diubahsuai daripada sumber di bawah berdasarkan abjad fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet - IPA*).

Sumber: Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi 2008. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.